



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Web : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/12JLD.6 (09)
Tarikh : 22 Julai 2026
Bersamaan : 7 Safar 1448H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Melaka.**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.68/2026/P : PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN
(SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN KERAJAAN MELALUI MODUL ARAHAN
PEMBAYARAN (AP) ENTITI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA: BANK
SIMPANAN NASIONAL**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan semakan tambahan (*second validation*) bagi pembayaran Kerajaan melalui Modul AP Entiti: JPN mengikut bank secara berperingkat dan Pengurusan Tertinggi JANM telah bersetuju semakan tambahan pembayaran Kerajaan melalui Modul AP Entiti: JPN bagi peringkat seterusnya dilaksanakan pada Ogos 2026. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan akauntabiliti dan integriti proses pembayaran Kerajaan dan memastikan pembayaran disalurkan kepada penerima yang sebenar.
3. Sehubungan itu, bank seperti di bawah telah terpilih untuk pelaksanaan semakan tambahan pembayaran Kerajaan melalui Modul AP Entiti: JPN bermula 3 Ogos 2026 (Isnin).

Bil.	Bank	Pelaksanaan <i>Second Validation</i> dijadualkan bermula
1.	BANK SIMPANAN NASIONAL	03 OGOS 2026

4. Adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk memastikan;-

- 4.1 Maklumat **nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan kod bank** di dalam Modul AP Entiti: JPN adalah **SAMA** dengan maklumat di sistem bank. **Perbezaan** maklumat antara Modul AP Entiti: JPN dan sistem bank akan menyebabkan semua jenis pembayaran pegawai **tidak berjaya**;
- 4.2 **Satu akaun bank** sahaja boleh digunakan bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor EMPLOYEE (EMP) untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui Modul **HCM (Payroll)** dan bayaran lain di Modul *Account Payable* (AP) **iGFMAS**; dan
- 4.2 Penggunaan akaun-akaun berikut adalah **tidak dibenarkan** bagi semua jenis pembayaran **kepada Penerima Bayaran pegawai awam**.
 - a. Akaun Bank Syarikat (Perniagaan Tunggal);
 - b. Akaun Bersama (*Joint Account*);
 - c. Akaun syarikat atas nama pegawai awam;
 - d. Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB);
 - e. Akaun Tabung Haji; dan
 - f. Akaun lain yang ditetapkan oleh JANM dari semasa ke semasa.

5. Sebarang persoalan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada mana-mana pegawai Unit Pengurusan Khidmat Pelanggan (UKPP) JANM Melaka di talian 06-2895013/5015/5016/5017/5018.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"


"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CFFA(UK), C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.